

# **GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DUA KALI DI BAWAH SEKSYEN 34B AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967**

## **1. Pengenalan**

Universiti Malaya melalui Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP) telah diberikan kelulusan “Institut Penyelidikan Yang Diluluskan” di bawah Seksyen 34B ACP 1967 mulai 4 Mei 2019. Dengan kelulusan ini, setiap syarikat/organisasi yang memberikan sumbangan wang tunai atau bayaran perkhidmatan kepada IPPP untuk tujuan penyelidikan dan kemajuan selagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan adalah layak untuk potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan tersebut.

## **2. Prosedur Permohonan**

### **2.1 Definisi Penyelidikan Bagi Maksud Pemberian Potongan Cukai Dua Kali**

Syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan layak menikmati potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan untuk penyelidikan dan kemajuan. Bagi maksud ini, penyelidikan dan kemajuan ditakrifkan seperti berikut:

‘ “Penyelidikan dan kemajuan” ertinya apa-apa kajian sistematik, siasatan dan eksperimen yang melibatkan risiko novelti atau teknikal yang dijalankan dalam bidang **sains atau teknologi** dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau perbaikan bahan, alat, keluaran, hasil atau proses, tetapi **tidak termasuk**:

- (i) kawalan mutu atau pengujian rutin bahan, alat atau keluaran;
- (ii) penyelidikan sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- (iii) pemungutan data rutin;
- (iv) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- (v) penyelidikan pasaran atau penggalakan penjualan;
- (vi) pengubahsuaian atau perubahan rutin bagi bahan, alat, keluaran, hasil atau kaedah pengeluaran; atau

- (vii) pengubahsuaian kosmetik atau pengubahsuaian stilistik bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran.’

## **2.2 Syarat-syarat Permohonan**

- i) Semua program/aktiviti penyelidikan mestilah mendapat kelulusan pihak berkuasa UM yang diiktiraf iaitu IPPP.
- ii) Potongan cukai dua kali adalah melalui sumbangan wang tunai sahaja.
- iii) Sumbangan atau bayaran tersebut bukan bertujuan untuk perbelanjaan dan pembelian aset modal seperti untuk tabung pembinaan bangunan atau untuk membeli loji atau peralatan.

## **2.3 Panduan Kepada Syarikat Yang Menyumbang**

Syarikat perlu membuat tuntutan melalui taksiran cukai tahunan dengan penyertaan resit rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari dan surat kelulusan permohonan potongan cukai dua kali Seksyen 34B ACP 1967 yang dikeluarkan oleh institut penyelidikan yang diluluskan.